

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Kakitangan kerajaan dilarang

PENJELASAN KUTIP DERMA

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan pegawai kerajaan termasuk yang bertugas di agensi kerajaan tidak dibenarkan memungut derma dari firma-firma atau orang perseorangan untuk membiayai kegiatan sukan masing-masing.

Perdana Menteri memberitahu Dewan Negara, ini sejajar dengan kehendak surat pekeliling perkhidmatan bilangan 19 tahun 1969 yang dikeluarkan pada Oktober 1969.

Oleh itu, tegas beliau, tindakan Biro Siasatan Negara (BSN) berhubung dengan pungutan wang derma yang dikelolakan oleh Kelab Sukan Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan baru-baru ini adalah sejajar dengan kehendak surat pekeliling tersebut.

Dalam surat pekeliling

Oleh JAMALUDDIN BAKAR

ling itu menyebut bahawa jabatan kerajaan ditegah mengutip derma dari firma-firma atau orang-orang perseorangan untuk membiayai kegiatan sukan masing-masing.

Beliau menegaskan demikian ketika menjawab soalan lisan Senator V.V. Aboon yang ingin tahu sama ada tindakan BSN tempoh hari wajar atau tidak.

Tindakan BSN di Negeri Sembilan baru-baru ini telah dikritik dengan hebat oleh Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan dan Menteri Besarinya, Datuk Rals Yatim.

Pada keseluruhannya kerajaan berpuas hati dengan prestasi Biro Siasatan Negara dalam mengendalikan kes-kes rasuah pada masa sekarang.

Malahan Biro Siasatan Negara telah dan sedang bergerak lebih aktif di seluruh negara melalui aktiviti-

aktiviti pencegahan dan siasatan yang telah menghasilkan tangkapan beberapa orang dan kumpulan tertentu yang disyaki menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri mereka sendiri.

Kerajaan akan terus meningkatkan lagi kemampuan BSN dan satu daripada langkah-langkah ialah dengan mengadakan perubahan kepada organisasinya.

Ditangkap

Kerajaan bercadang menukarkan nama biro itu kepada nama asalnya iaitu Badan Pencegah Rasuah untuk mencerminkan dengan lebih tepat peranannya sebagai sebuah institusi yang dipertanggungjawabkan mencegah perbuatan rasuah.

"Satu rang undang-undang akan dibentangkan di Dewan yang mulla ini berhubung dengan

penukaran nama itu di persidangan sekarang," tegas beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, sejak tahun 1978 hingga 1982, seramai 325 orang pegawai kerajaan telah ditangkap kerana rasuah dan 80 orang telah dihukum.

Katanya, mereka yang ditangkap terdiri dari 40 pegawai divisyen satu dan tujuh orang telah dihukum manakala divisyen dua seramai 33 orang ditangkap dan sembilan dihukum.

Manakala divisyen tiga pula 252 orang ditangkap dan 64 dari mereka telah menerima hukuman masing-masing.